

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.03.01/10.12/3 (19)
Tarikh : 5 April 2019

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YH Prof. Dato Sri/ YH Prof. Dato / YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2019
PENETAPAN KADAR SEWA RUANG UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG.**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2019 iaitu Penetapan Kadar Sewa Ruang Bagi Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato Sri/ YH Prof. Dato / YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

ZO/HAI/Pekeliling Bendahari

SENARAI EDARAN

- 1 **YH. Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Nasir Bin Daing Ibrahim**
Naib Canselor
Pejabat Naib Canselor
UMP, Pekan
- 2 **YH. Profesor Dato' Ts Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
UMP Kampus Gambang
- 3 **YH. Profesor Ir. Dr Wan Azhar Bin Wan Yusoff**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
UMP Pekan
- 4 **YBhg . Profesor Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
UMP Pekan
- 5 **YBhg. Profesor Dr. Jamil Bin Ismail**
Penolong Naib Canselor
Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat
UMP Kampus Gambang
- 6 **YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan Bin Darun**
Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
Jabatan Pendaftar
UMP, Pekan
- 7 **Encik Dzulil Zabarrod Bin Ahmad**
Pemangku Ketua Pustakawan
Jabatan Perpustakaan
UMP, Pekan
- 8 **YBhg. Datin Wan Maizurina Binti Wan Othman**
Penasihat Undang-Undang
Bahagian Perundangan & Integriti
UMP Pekan
- 9 **YBhg. Profesor Dr. Rizalman Bin Mamat**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan
UMP, Pekan
- 10 **YBhg. Profesor Ir. Dr. Kamarul Hawari Bin Ghazali**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
UMP, Pekan

- 22 **YBhg. Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)
UMP Pekan
- 23 **YBhg. Profesor Madya Ir. Dr Mohd Fairusham Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF)
UMP, Kampus Gambang
- 24 **YBhg. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Bio Aromatik,
UMP, Kampus Gambang
- 25 **YBrs. Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Pengarah
Pejabat Antarabangsa
UMP, Kampus Gambang
- 26 **YBhg. Profesor Madya Dr Gaanty Pragas A/L Maniam**
Pengarah
Makmal Berpusat,
UMP, Kampus Gambang
- 27 **YBhg Ts. Dr. Muhamad Bin Mat Noor**
Pengarah
Penerbit UMP,
UMP, Kampus Gambang
- 28 **YBrs. Prof Madya Dr Adzhar Bin Kamaludin**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIReL)
UMP Pekan
- 29 **YBhg Profesor Madya Dr. Mohd Rusllim Bin Mohamed**
Pengarah
Pusat Inovasi Dan Daya Saing Akademik (CAIC)
UMP Kampus Gambang
- 30 **YBhg. Profesor Madya Ir. Dr. Fahmi Bin Samsuri**
Pengarah
I-COE Agilent
FKEE, UMP Pekan
- 31 **YBrs. Dr. Mohd Yuhyi Bin Mohd Tadza**
Pengarah
ICOE- CIDB, FKASA
UMP Kampus Gambang

- 42 **YBrs. Encik Asri Bin Haji Zainudin**
Menjalankan Tugas-Tugas Ketua
Unit Pengurusan Risiko
UMP Pekan
- 43 **YBrs. Encik Mohd Aznorizamin Bin Ismail**
Menjalankan Tugas-Tugas Pengarah
Pusat Sukan Dan Kebudayaan
Universiti Malaysia Pahang
- 44 **YBrs. Encik Mohd Akram Bin Abdul Razak**
Menjalankan Tugas-Tugas Ketua
Unit Audit Dalam
UMP, Pekan
- 45 **YBrs. Encik Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pengurus Kanan
Pejabat Naib Canselor
UMP Pekan
- 46 **YBrs. En Hazmin Bin Aris**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti
Universiti Malaysia Pahang
- 47 **YBrs Puan Ernie Nurazlin Binti Lizam**
Pengurus
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
UMP Pekan
- 48 **YBrs. En Mohamad Najid Bin Haji Saat**
Menjalankan Tugas-Tugas Ketua
Bahagian Keselamatan
Universiti Malaysia Pahang

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2019

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato Sri/ YH Prof. Dato / YBhg. Prof/ Prof Madya/Tuan/Puan,

PENETAPAN KADAR SEWA RUANG UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Pekeliling Bendahari ini adalah untuk memaklumkan penetapan kadar sewa ruang di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Melalui KRA2 Kelestarian Kewangan di dalam Pelan Strategik UMP 2016 hingga 2020, setiap Pusat Tanggung Jawab (PTJ) dikehendaki mempelbagaikan aktiviti penjanaaan pendapatan bagi memperkasa sumber dana alternatif;

2.2 Kemudahan ruang seperti bilik mesyuarat, bilik seminar, bilik kuliah dan sebagainya boleh dimanfaatkan untuk kegunaan Universiti dan boleh

diptimumkan penggunaannya melalui sewaan kepada pihak luar yang sekaligus menjana pendapatan Universiti;

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke 39 Bil 1/2019 pada 15 Februari 2019 bersetuju meluluskan penetapan kadar sewa ruang di UMP yang mana kadar-kadar yang ditetapkan telah diseragamkan selepas mengambilkira kos-kos yang ditanggung oleh UMP dalam menyediakan fasiliti dan kemudahan yang terlibat.

3.0 PENETAPAN KADAR DAN SYARAT SEWAAN RUANG

3.1 Universiti menetapkan kadar sewaan adalah mengikut kadar ukuran meter per segi dan kadar seorang (*per pax*). Kadar sehari sewaan bagi kemudahan ruang telah ditetapkan kepada 5 kategori seperti berikut:

Bil	Kategori kemudahan	Kadar sehari	
		Kampus Gambang	Kampus Pekan
1.	Ruang kosong	RM0.90 per meter persegi	RM0.70 per meter persegi
2.	Kemudahan Bilik Kuliah, Dewan Kuliah dan lain-lain dewan beserta Kelengkapan Audio Visual	RM5.40 per pax	RM4.50 per pax
3.	Kemudahan Bilik Komputer beserta Kelengkapan Audio Visual	RM23.00 per pax	RM22.00 per pax
4.	Kadar kemudahan khusus bagi Bilik Perbincangan dan Bilik Mesyuarat	RM9.60 per pax	RM8.70 per pax
5.	Kadar kemudahan khusus bagi Bilik Perbincangan, Bilik Mesyuarat dan Auditorium beserta Kelengkapan Audio Visual	RM10.50 per pax	RM9.60 per pax

3.2 Dalam menentukan kadar sehari sewaan atau kadar seorang (*per pax*), PTJ dikehendaki memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi:

(a) Kadar bagi ruangan kosong ditetapkan mengikut kadar meter persegi dan mengikut jumlah keseluruhan keluasan ruang tersebut manakala kemudahan ruang beserta kelengkapan adalah mengikut kadar seorang (*per pax*). Caj dikenakan adalah berdasarkan bilangan kapasiti maksimum pengguna mengikut ruang yang disediakan;

(b) Kemudahan ruang yang berkapasiti kurang daripada muatan 20 orang hendaklah dikira mengikut kadar minimum 20 orang;

(c) Kadar yang ditetapkan adalah mengikut penggunaan sehari. Penggunaan kemudahan kurang daripada 5 jam akan dikenakan mengikut kiraan kadar separuh hari iaitu sebahagian daripada keseluruhan caj sehari;

(d) PTJ dikehendaki menyediakan senarai kemudahan fasiliti di tempat masing-masing yang berpotensi untuk disewakan secara komersial kepada pihak luar mengikut kiraan kadar yang ditetapkan. Kadar yang dinyatakan terpakai kepada kesemua kategori penyewa sama ada agensi Kerajaan mahupun swasta;

(e) Sekiranya kemudahan yang disediakan oleh PTJ tiada di dalam kategori yang dinyatakan, PTJ boleh mengemukakan kadar baharu kepada Jabatan Bendahari. Sebagai panduan PTJ hendaklah merujuk kepada persamaan/*(similarity)* kategori kelengkapan/fasiliti sepertimana jadual sebagai perbandingan dan kadar yang dicadangkan tersebut tidak kurang daripada kadar minimum kategori yang dibandingkan. Perkara-perkara yang tidak terkandung dalam kategori yang dinyatakan hendaklah dibawa kepada kelulusan oleh Pengurusan Universiti.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa mulai 5 April 2019.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 5 April 2019

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta